



KUIM

PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA
Tel : 06-387 8443

No. Rujukan : KUIM/BEND/PINJ/2021 (04)

Tarikh : 03 Februari 2022
01 Rejab 1443H

Assalamualaikum wr.wb. / Salam sejahtera

Perkara	PERMOHONAN BANTUAN ONE-OFF RM1,000 BAGI ANAK MELAKA / PEMASTAUTIN TETAP (MENGIKUT SYARAT YANG DITETAPKAN)
Kepada	Semua Mahasiswa/i Semester 1 (Anak Melaka) Yang Berkelayakan
Daripada	Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Bendahari
Salinan Kepada	<ul style="list-style-type: none">➤ Y.Bhg. Naib Canselor➤ Timb. Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi➤ Pendaftar➤ Bendahari➤ Pengarah Hal Ehwal Akademik➤ Yang Menjalankan Tugas-tugas TNC HEPA➤ Dekan Fakulti/Institut (IPS/FTMD/FBP/FIPT/FPHP/FKI/FSS/FUG/FKSK)➤ Ketua Unit IT – <i>mohon untuk paparkan di laman web KUIM</i>➤ Pem. Tadbir Fakulti – <i>mohon sebar maklumat kepada pelajar</i>➤ Presiden MPP

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan bagi Bantuan *One-Off* RM1,000 bagi anak Melaka telah dibuka dan permohonan tersebut boleh dibuat secara atas talian (*online*) di laman sesawang TAPEM, <https://tapemonline.melaka.gov.my/>.

3. Sehubungan dengan itu, mahasiswa/i semester 1 (Anak Melaka) yang layak boleh membuat permohonan mulai pada **01/02/2022**. Borang yang telah dilengkapkan secara atas talian (*online*) perlulah dicetak seterusnya menandatangani perakuan di :

- Bahagian C** : Perakuan Pengesahan Perkhidmatan Oleh Majikan (**sekiranya berkaitan**) manakala bagi mahasiswa/i yang ibubapa atau penjaga tidak bekerja atau bekerja sendiri, perlu mendapatkan pengesahan pendapatan dari Pengerusi JAPERUN/ Ketua Kampung/ Penghulu/ Sidang.
- Bahagian D** : Pengakuan Permohonan perlu ditandatangani oleh **pelajar**.
- Bahagian E** : Pengesahan oleh **pegawai KUIM** gred 41 ke atas, Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Gred 41 ke atas)/ Pengerusi JAPERUN/ Pengerusi Penyelaras JAPERUN/ Penghulu/ Pengerusi JPCK/ Sidang.

4. Borang yang telah lengkap perlulah dilampirkan bersama salinan dokumen seperti yang dinyatakan dalam borang berkenaan dan diserahkan ke kaunter **Unit Pinjaman & Biasiswa, Pejabat Bendahari**.


5. Adalah diingatkan bahawa permohonan hanya boleh dibuat bagi kemasukan **kali pertama** untuk setiap satu tahap pengajian. Permohonan kalini ini adalah **HANYA** untuk kemasukan pelajar baharu sesi 2/2021. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh pendaftaran di KUIM. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan Bantuan (One-Off) Rm1,000 boleh diajukan kepada **En. Roslan bin Abu Samah** dari **Bahagian BANTUAN IPT, TAPEM** di talian **0136478506**.

Kerjasama dan perhatian saudara/i amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,



(ZALINAH BINTI HJ RAMLI)